

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, August 25, 2019 3:39 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Pemantauan Pelaksanaan Program BSc. IT Beri Kefahaman Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2019 / 24 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed

LAWATAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM BSc. IT BERI KEFAHAMAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



UUM ONLINE: Satu lawatan pemantauan pelaksanaan program Sarjana Muda Sains (Teknologi Maklumat) atau BSc. IT di bawah kerjasama UUM dengan Malaysian Consortium for Education Mauritius (MCEM) telah diadakan baru-baru ini.

Penyelaras program, Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed berkata, beliau telah dijemput MCEM bagi tujuan pemantauan program serta penilaian pelajar praktikum.

Menurutnya, sepanjang lawatan, beliau telah mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan dan pensyarah MCEM yang telah membantu memberi kefahaman yang lebih jelas kepada kedua-dua pihak untuk memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dimantapkan serta memudahkan lagi proses kerjasama pada masa hadapan.

"Fail ISO juga telah disemak dan penambahbaikan telah dicadangkan kepada pihak pengurusan MCEM, malah lawatan pemantauan ini turut diadakan di organisasi pelajar UUM menjalani praktikum iaitu Defi Media Group, Emtel Ltd., Prodesign dan MCEM sendiri.

“Saya telah bertemu dengan pelajar dan majikan di organisasi tersebut serta menilai kemajuan projek praktikum setiap pelajar terlibat,” katanya.

Tambah beliau, menerusi lawatan itu, pelaksanaan program BSc. IT di MCEM telah dipantau dan pelajar yang sedang menjalani praktikum telah dinilai melalui pembentangan projek mereka.

Menurutnya, beliau berharap kerjasama itu akan berjalan dengan lebih mantap dan program BSc. IT akan ditawarkan di Mauritius, seterusnya menembusi pasaran di negara Afrika.

Lawatan Dr. Shafinah turut diiringi mantan penyelarar BSc. IT, Dr. Zahurin Mat Aji @ Alon yang mewakili Jawatankuasa Kualiti, Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.